

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home &gt; Berita Harian &gt; 8 July 1960 &gt; Page 4 &gt; MEMPERKATAKAN CHERITA SANDIWARA RADIO 'KETUHANAN'

## MEMPERKATAKAN CHERITA SANDIWARA RADIO 'KETUHANAN'

Berita Harian, 8 July 1960, Page 4

Article also available on Microfilm Reel NL2820

★ Add to Citation

&lt; Previous Article

Next Article &gt;

&lt; Previous Page

Next Page &gt;

# MEMPERKATAKAN CHERITA SANDIWARA RADIO 'KETUHANAN'

## Tidak pada tempat-nya

## menudoh Rahman B.

## mempersenda ugama?

### Oleh

### Hussein Shamsuddin

**S**AMPAI hari ini belum di-ketahui lagi apakah Persekutuan Seruan Islam Sa-Malaya telah meminta perhatian Kementerian Kebudayaan Singapura terhadap cerita sandiwaranya radio "Ketuhanan." Kalau sudah, umpama-nya, apa-kah Kementerian Kebudayaan akan melarang Radio Singapura menyiarkan cerita2 seperti itu di-masa hadapan.

Cherita sandiwaranya radio "Ketuhanan" itu di-karang oleh Saudara Rahman B., sa-orang pengarang drama yang maseh remaja. Sdr. Rahman juga berlakun dalam cerita itu.

Nampak-nya Sdr. Rahman tidak gusar oleh ribut yang timbul di-kalangan alim ulama Singapura terhadap cerita-nya itu. Kata-nya kepada akh-

Information

Newspaper:  
Berita HarianDate:  
8 July 1960Reel Number:  
NL2820

Share

Table of Contents

&lt; Previous

Page 4

Next &gt;

#### 'Perang' ekonomi ka-atas Afrika S.

'Perang' ekonomi ka-atas Afrika S. IyALAYA telah memulakan "perang" ekonomi ka-atas Afrika Selatan.

#### Pemberontakan di-Congo

Pemberontakan di-Congo Congo yang baharu sahaja merdeka, nampak-nya, akan bergoik terus dengan

#### Peratoran2 baharu tentang nikah, cherai

Peratoran2 baharu tentang nikah, cherai KAUM WANITA DI-BERI BANYAK HAK2 YANG ISTIMEWA -OWI-

View Full Table of Contents &gt;

bar kelmarin:

"Segala kritik<sup>2</sup> yang saya terima itu akan saya kumpulkan untuk di-jadikan thema sa-buah cerita sandi-wara di-masa yang akan datang dan akan di-beri nama "Gara<sup>2</sup> Ketuhanan".

### TANDA TANYA


Tetapi apa-kah Sdr Rahman B. akan di-izinkan untuk menyi-arkan cerita yang di-renchakan-nya itu maseh menjadi tanda tanya lagi. Keputusan itu di-pegang oleh Kementerian Kebuda-yaan Singapura, dan sa-takat ini Kemente-rian itu belum lagi membuat keputus-nya terhadap keribu-tan yang timbul dari cerita "Ketuhanan" itu.

Bagaimana pun, Pu-an Zaharah Za'ba, Ke-tua Radio Singapura Bahagian Melayu dan Inche Zain Mahmud, penerbit ranchangan itu, mempertahankan cerita "Ketuhanan" itu.

Dalam sa-buah ke-nyataan, bersama ka-pada akhbar kelmarin, Puan Zaharah dan Inche Zain Mahmud berkata:


"Kami tidak nampak kesalahan<sup>2</sup> dalam che-ta tersebut. Walau pun cerita itu tadi-nya menimbulkan sa-suatu dari pendengar teruta-ma dalam perkataan y a n g mengatakan Kur'an tidak sesuai di-zaman ini lagi".

Mereka juga mene-rangkan bahawa che-rita "Ketuhanan" te-lah di-tapis dan di-se-mak sa-belum di-hi-dangkan kepada ra-mai.



Agak berani juga Puan Zaharah dan Inche Zain Mahmud memertahankan cerita itu dan Radio Singapura. Bahagian Melayu malah menyiarkan cerita itu berulang2 tiga kali.

Tetapi perhatian pengarang2 sekarang tertumpu kepada Kementerian Kebudayaan Singapura.



Kenyataan bahawa cerita "Ketuhanan" itu telah di-bantah keras oleh sa-golongan alim ulama tidak-lah boleh di-nafikan. Persekutuan Seruan Islam sa-Malaya ia-lah satu badan agama yang berpengaruh di-Singapura.


### 'MURTAD'



Pengarang cerita itu telah pun di-chap "murtad" oleh sa-orang penulis dalam sa-buah akhbar baharu2 ini. Cerita itu telah di-sifatkan sabagai "perbuatan mempersenda, menchercha dan mendustakan Kitab Allah Al-Kur'anul Karim".

Perbuatan itu salanjut-nya di-anggap "satu perbuatan yang di-la'nat oleh Allah dan Rasul-nya, dan di-la'nat oleh umat Islam yang mendengarnya."

ouikan keributan itu hinga pengarang-nya di-tudoh konon "murtad?"



Penulis yang mensifatkan Sdr Rahman B. "jahil dalam hukum Islam" merasa tersentuh oleh satu babak dalam cerita itu. Biarlah di-peturunkan babak cerita itu yang menjadi bantahan penulis tadi.

Tatkala menentang bapa mertua-nya yang menasihati supaya ia jangan bersahabat dengan kawannya, si-Yahudi, kerana orang Yahudi di-kutok oleh Allah dalam Kur'an, maka "hero" atau pengarang

sandiwara yang menjadi menantu telah menjawab:

"Apa salah-nya berka-  
wan dengan Yahudi? Bu-  
kan-kah dia juga manusia?  
Kitab Al-Kur'an (yang  
mengutok kaum Yahudi)  
tidak sesuai lagi kando-  
ngan-nya dengan zaman  
ini. Kitab Al-Kur'an itu  
dusta. Bukti - nya: Dalam  
Apa-kah yang menim-  
Kur'an mengatakan ba-

hawa kaum Yahudi dan  
Nasrani tidak akan mem-  
punyai negara sa-lama-nya.  
Pada hal Yahudi sekarang  
sudah ada negara-nya di-  
Palestine, ia-itu negara  
Israel"

Kenyataan ini menim-  
bulkan kemarahan ayah  
mertua-nya yang menu-  
doh-nya "murtad". Dia di-  
halau dari rumah-nya. Dia  
pindah bersama isteri-nya  
ka-rumah lain. Akhir-nya  
dengan nasihat dan penje-  
lasan yang di-berikan oleh  
abang-nya, dia merasa  
puas hati.

Penjelasan itu demikian  
bunyi-nya,

### UBAH NASIB

"Sungguh pun dalam  
Kur'an mengatakan ba-  
hawa kaum Yahudi dan  
Nasrani tidak akan mem-  
punyai negara sa-lama-nya,  
tetapi di-dalam Kur'-  
an juga ada mengatakan:  
Bahawa Tuhan tidak akan  
mengubah nasib sa-suatu  
kaum sa-hingga mereka  
mengubah-nya sendiri.  
O l e h kerana kaum  
Yahudi telah mengubah  
nasib mereka tegak-lah  
negara mereka di-Pales-  
tine, negara Israel."

Tetapi oleh mereka yang  
membantah cerita "Ke-  
tuhanan" ini, penjelasan  
ini tidak memuaskan. Me-  
reka menyatakan penje-  
lasan itu lemah, tidak me-  
yakinkan.

Menurut mereka, hukum  
Islam tentang orang yang  
murtad harus memaksa  
ayah mertua itu menahan  
dan mewajibkan anak pe-  
rempuan-nya mencherai-  
kan suami-nya yang  
"sudah murtad" itu.

"Hero" cerita itu kerana  
telah "murtad" harus pula  
di-Islamkan kembali sa-  
belum dia dapat berbaik-  
sa-mula dan meminta ma'-  
af kepada bapa mertua-  
nya.

Mereka yang membantah  
cerita itu tidak puas hati  
kerana "hero" itu hanya  
"merasa puas hati" dengan

penjelasan yang di-berikan oleh abang-nya. Mereka tidak puas hati juga terhadap penjelasan abang "hero itu". kerana penjelasan itu sa-chara tidak langsung menerima wujud-nya negara Israel.

Soal-nya sekarang ialah apa-kah kesilapan2 seperti ini dapat di-terima sa-bagai ukoran iman pengarang cerita itu?

"Hero" dalam cerita itu yang tadl-nya berkata: "Kur'an sudah tidak sesuai lagi dengan zaman ini", akhir-nya rujo' kembali kepada keperchayaan-nya terhadap Kur'an

Walau pun faktor yang memaksa-nya kembali kepada keperchayaan itu lemah, namun faktor yang menyebabkan "hero" itu berkata: "Kur'an tidak sesuai dengan zaman ini" pun lemah juga.

### *Kawan Yahudi*

"Apa salah-nya berka-wan dengan Yahudi? Bukan-kah dia juga manusia?" kata "hero" itu. Ra'ayat Singapura pernah hidup di-bawah pimpinan sa-orang Ketua Menteri yang berketurunan Yahudi. UMNO Singapura dan Kesatuan Melayu pernah berikat dengan parti yang di-pimpin oleh bekas Ketua Menteri itu. Dan Pemerintahannya itu bertanggung jawab besar membawa Singapura kepada taraf-nya sekarang ini.

Barangkali kalau alasan ini di-kemukakan oleh "hero" itu tidak-lah ribut terhadap cerita "Ketuhanan" itu menjadi besar seperti itu.

Tetapi ada-kah perlu di-ributkan cerita "Ketuhanan" itu demikian rupa? Rencana ini bukan-lah membela cerita "Ketuhanan" itu, yang menurut hemat penulis, banyak kelemahan tentang teknik dan thema serta jalan ceritanya.

### *Ta' meyakinkan*

Watak "hero," yang digambarkan dalam cerita "Ketuhanan" itu, kurang meyakinkan dalam arti kata bahawa faktor2 yang menyebabkan dia menga-

luarkan perkataan "Kur'an itu tidak sa-suai lagi dengan zaman ini." tidak meyakinkan.

Tetapi sifat "toleransi", sifat bersedia memberikan kepada orang lain mengeluarkan pendapat fikirannya, walau bodoh sa-kall pun, harus ada pada kita dan kerana itu, cerita "Ketuhanan" itu dengan segala kelemahan dan kekurangan-nya, boleh-lah di-ma'afkan.

Keseluruhan cerita itu tidak dapat di-katakan menentang ugama, walau pun perkataan "hero" tentang Kur'an itu boleh mengelirukan. Namun kekeliruan ini kalau ada sa-kall pun telah tenggelam oleh penerimaan-nya terhadap penjelasan abang-nya.

### *Alasan lemah*

Alasan-nya menolak Kur'an tadi-nya lemah dan tidak meyakinkan. Orang yang "intelek" tidak akan menerima alasan-nya itu, dan se-suai-lah pula kalau sa-kira-nya "hero" yang dangkal tadi menerima penjelasan yang dangkal pula.

Rahman B. dapat dipersalahkan kalau sa-kira-nya cerita itu sa-chara sungguh2 dan kentara dari babak pertama hingga kababak akhir cerita-nya mengemukakan dan menunjukkan thema Kur'an dalam cerita-nya itu. Dia tidak berbuat demikian. Hanya sa-pintas lalu sahaja thema "Kur'an" itu di - sodorkan-nya dalam cerita-nya, itu pun sa-chara lemah, dangkal dan chetek sa-kall.

Untok membesarkan cerita "Ketuhanan" itu tidak pada tempat-nya. Untok menudoh Rahman B mempersendakan Kur'an dan ugama-nya tidak saksama, malah bodoh.

Dan Kementerian Kebudayaan tidak harus terse-ret2 dalam "ribut chawan teh" ini. Sa-kira-nya Radio Singapura bahagian Melayu tidak dapat menyiarkan cerita2 yang "sengketa" atau "controvercial" saperti ini, maka hilang-lah kelak kebebasan-nya dan nama baik-nya di-kalangan para pendengar-nya.

## *Fikiran liberal*

Dalam melayani bantahan2 itu, dalam arti kata bahawa cherita2 seperti "Ketuhanan" itu harus diteliti lebeh chermat lagi di masa hadapan. hendak-nya Puan Zahara Za'ba tidak kehilangan pegangan bahawa dunia zaman sekarang memerlukan fikiran yang liberal. Manusia sekarang ia-lah manusia yang ingin menchari dan mengetahui.

Cherita yang menyakitkan hati gulongan ugama atau satu2 kaum memang pada tempat-nya di-singkirkan. Tetapi dalam berpijak pada prinsip ini, kita perlu membezakan antara gulongan yang menchuba membesar2kan momok dengan gulongan yang memang jujur mempertahankan hak dan kebenaran.

### Related Articles



No related article found.